

## Nasional

# Seri Paduka titah henti ceroboh Sungai Ichat

**Cameron Highlands:** Keprihatinan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, terhadap isu alam sekitar tidak dapat dinafikan apabila baginda berkenan mencemar duli meninjau tapak pencerobohan Sungai Ichat dekat Kuala Terla di sini, semalam.

Dalam kunjungan sulung ke tanah tinggi itu sejak ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah menitahkan semua pihak supaya menghentikan segera pencerobohan terhadap kawasan tadahan air Kuala Terla, khususnya Sungai Ichat di bawah Mukim Ulu Terlom.

Al-Sultan Abdullah bertitah, pencerobohan tanah itu menyebabkan Sungai Ichat yang juga antara sumber air kepada Loji Air Kuala Terla selain Sungai Terla bukan sahaja menjejaskan alam sekitar, malah berisiko memudaratkan orang ramai.

"Sungai Ichat ini satu sumber air yang diperlukan kawasan per-

sekitaran ini. Kalau itu (sungai) diracuni, mungkin tiada lagi sumber lain.

"Setakat ini kualiti sungai tidak baik dan sekarang kerajaan sedang dalam proses membersihkannya. Kita mahu mana-mana mereka yang menceroboh harus berhenti kerana akibat pencerobohan ini akan memudaratkan pihak tertentu," titah baginda.

Al-Sultan Abdullah juga menitahkan semua pihak supaya bekerjasama antara satu sama lain dengan mengetepikan perbezaan fahaman politik dalam memastikan usaha mengatasi serta menghapuskan pencerobohan tanah di sekitar Cameron Highlands khususnya Sungai Ichat berhasil.

"Kerajaan Pahang memang memandang serius perkara ini. Sebab itu tindakan meroboh dan ambil balik tanah (yang diceroboh) dipergiatkan dan Kerajaan Pusat sedang memerhati serta menyokong tindakan ini," titah Seri Paduka. BERNAMA



Al-Sultan Abdullah meninjau keadaan Sungai Ichat yang diceroboh di Kuala Terla, Cameron Highlands, semalam. (Foto BERNAMA)